MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)1

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

1. Berapakah jumlah kes kelahiran anak luar nikah sejak tahun 2022 hingga 2025 di Pulau Pinang mengikut daerah dan kawasan serta bangsa?

   (a) Nyatakan tindakan untuk menangani perkara tersebut.

   (b) Nyatakan kaedah penjagaan bayi tersebut dan tatacaranya.

YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. Untuk makluman, tiada statistik khusus berkaitan kelahiran anak luar nikah yang direkodkan oleh mana-mana jabatan atau agensi, khususnya Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang. Waiau bagaimanapun, data pendaftaran kelahiran tanpa maklumat bapa yang diperoleh daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh tahun 2022 hingga 2025 di Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

   (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) serta agensi-agensi berkaitan sentiasa komited dalam menangani isu kelahiran anak luar nikah melalui pendekatan pencegahan, pendidikan dan pembangunan institusi keluarga. Antara tindakan yang dilaksanakan dan diberi penekanan adalah seperti berikut:

(i) Pelaksanaan program pencegahan dan khidmat kaunseling melalui program pra-perkahwinan, khidmat nasihat serta kaunseling kekeluargaan bagi meningkatkan kesedaran dan memperkukuh institusi keluarga;

(ii) Pengukuhan peranan ibu bapa dalam memberikan pendidikan awal berkaitan kesihatan reproduktif, membina komunikasi terbuka dengan anak-anak serta memantau pergaulan dan perkembangan sahsiah mereka;

(iii) Peningkatan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial melalui modul seperti Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Modul Cakna Diri oleh LPPKN bagi meningkatkan pengetahuan serta kesedaran remaja tentang tanggungjawab diri dan risiko tingkah laku seksual berisiko;

(iv) Penglibatan institusi keagamaan dalam memberikan kesedaran kepada komuniti masing-masing mengenai kepentingan nilai-nilai moral, pembentukan sahsiah dan tanggungjawab sosial berdasarkan ajaran agama masing-masing; dan

(v) Pemerkasaan pendidikan dan kesedaran masyarakat melalui penyampaian maklumat yang bersesuaian dengan peringkat umur serta mengambil kira nilai agama, norma masyarakat dan sosio-budaya setempat.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri akan terus menggalakkan kerjasama strategik antara agensi kerajaan, institusi keagamaan, ibu bapa dan masyarakat bagi memperkukuh usaha pencegahan secara menyeluruh, di samping memastikan pembangunan sahsiah dan kesejahteraan keluarga terus diberi perhatian.

(b) JKM akan melaksanakan intervensi dan memberikan perhatian terhadap kes bayi yang ditinggalkan atau terdampar. Bagi kes yang dirujuk kepada JKM, tindakan sewajarnya akan diambil melalui penilaian aspek kebajikan

dan perlindungan termasuk penempatan bayi di institusi perlindungan yang bersesuaian di bawah pengendalian JKM sekiranya perlu. Langkah ini bertujuan memastikan keselamatan, kebajikan, kesihatan dan keperluan penjagaan bayi sentiasa terpelihara selaras dengan peruntukan undang-undang serta prosedur yang berkuat kuasa.

Sepanjang tempoh perlindungan tersebut, penempatan bayi dengan keluarga pelihara boleh dipertimbangkan berdasarkan penilaian kes, kesesuaian bakal keluarga pelihara dan pematuhan terhadap syarat serta kriteria yang ditetapkan. Seterusnya, permohonan pengangkatan sebagai anak angkat boleh dipertimbangkan mengikut peruntukan undang-undang dan prosedur yang berkuat kuasa.

Dalam semua tindakan yang diambil, JKM sentiasa mengutamakan prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak bagi memastikan setiap keputusan berkaitan perlindungan, penempatan dan penjagaan dibuat secara bertanggungjawab dengan mengambil kira keselamatan, perkembangan serta kesejahteraan jangka panjang kanak-kanak berkenaan.

LAMPIRAN A

STATISTIK KES PENDAFTARAN KELAHIRAN TANPA MAKLUMAT BAPA MENGIKUT DAERAH DAN BANGSA DI NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2022 HINGGA 2025

TAHUN	BANGSA	DAERAH					JUMLAH BAGI PECAHAN DAERAH	JUMLAH TAHUNAN
		BARAT DAYA	SEBERANG PERAI SELATAN	SEBERANG PERAI TENGAH	SEBERANG PERAI UTARA	TIMUR LAUT		
2022	CINA	3	4	9	6	14	36	355
	ETNIK SABAH	1	1	5	0	5	12	
	ETNIK SARAWAK	0	0	2	0	1	3	
	INDIA	0	8	8	3	20	39	
	LAIN-LAIN	6	12	20	5	28	71	
	MELAYU	15	14	56	40	67	192	
	ORG ASLI (SEMENANJUNG)	0	0	1	0	1	2	
2023	CINA	2	6	8	4	18	38	408
	ETNIK SABAH	0	0	5	0	5	10	
	ETNIK SARAWAK	0	0	1	1	6	8	
	INDIA	0	11	16	6	26	59	
	LAIN-LAIN	11	9	24	14	37	95	
	MELAYU	20	22	40	59	55	196	
	ORG ASLI (SEMENANJUNG)	0	0	2	0	0	2	
2024	CINA	0	4	5	5	29	43	382
	ETNIK SABAH	2	1	2	0	5	10	
	ETNIK SARAWAK	0	0	0	1	2	3	
	INDIA	3	3	12	3	21	42	
	LAIN-LAIN	4	15	37	16	34	106	
	MELAYU	15	15	43	61	43	177	
	ORG ASLI (SEMENANJUNG)	0	0	0	0	1	1	
2025	CINA	1	5	7	3	15	31	355
	ETNIK SABAH	0	0	4	0	6	10	
	INDIA	1	14	9	7	17	48	
	LAIN-LAIN	14	8	27	7	36	92	
	MELAYU	10	13	38	52	61	174	
JUMLAH KESELURUHAN		108	165	381	293	553	1500	1500

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)2

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM@ MD HASHIM

2. Berapakah jumlah kes perceraian pasangan Islam yang berlaku di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2022 hingga kini?

   (a) Apakah faktor utama yang berlaku kes perceraian di Pulau Pinang?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Menurut Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, statistik kes yang telah didaftarkan dan direkodkan dari tahun 2020 hingga September 2026 adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

   (a) Antara faktor utama berlaku kes penceraian di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

      (i) Masalah komunikasi;

      (ii) Isu akhlak/ sosial;

      (iii) Lemah didikan agama;

      (iv) Masalah ekonomi rumah tangga/ kewangan;

      (v) Isu kerjaya;

(vi) Isu kesihatan; dan

(vii) Perbezaan budaya.

LAMPIRAN A

STATISTIK KESELURUHAN PERMOHONAN KES PERCERAIAN DI SELURUH NEGERI PULAU PINANG MENGIKUT TAHUN DAN DAERAH BERMULA TAHUN 2020 HINGGA SEPTEMBER 2026 YANG DIJANA MELALUI SISTEM E-SYARIAH

DAERAH/ TAHUN	2020	2021	2022	2023	2024	2025	2026	JUMLAH
MRS DBD	458	404	487	504	480	526	387	**3,246**
MRS SPU	626	468	665	697	670	714	579	**4,419**
MRS SPS	250	185	288	301	310	328	239	**1,901**
MRS SPT	598	499	652	644	630	661	522	**4,206**
MRS DTL	394	369	416	404	404	482	417	**2,886**
JUMLAH KESELURUHAN	**2,326**	**1,925**	**2,508**	**2,550**	**2,494**	**2,711**	**2,144**	**16,658**

Petunjuk:

MRS – Mahkamah **R**endah **S**yariah
DBD – **D**aerah Barat Daya
SPU – **D**aerah **S**eberang **P**erai **U**tara
SPS – **D**aerah **S**eberang **P**erai **S**elatan
SPT – **D**aerah **S**eberang **P**erai **T**engah
DTL – **D**aerah **T**imur Laut

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)3

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

3. Berapakah jumlah kilang, gudang dan bengkel haram yang telah diambil tindakan tahun 2023 hingga 2026 di Pulau Pinang mengikut daerah dan kawasan?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memandang serius isu kewujudan kilang, gudang dan bengkel haram di negeri ini. Sehubungan dengan itu, tindakan penguatkuasaan secara berperingkat dilaksanakan sebagai antara pendekatan utama bagi menangani isu tersebut, selaras dengan peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

   Perincian jumlah kilang, gudang dan bengkel haram yang telah diambil tindakan penguatkuasaan dari tahun 2023 sehingga Oktober 2026 di Negeri Pulau Pinang mengikut daerah dan kawasan parlimen adalah seperti di **LAMPIRAN A** bagi kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan **LAMPIRAN B** bagi kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

LAMPIRAN A

SENARAI JUMLAH KILANG, GUDANG DAN BENGKEL HARAM YANG TELAH DIKENAKAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN OLEH MBPP MENGIKUT DAERAH DAN KAWASAN BERMULA TAHUN 2023 SEHINGGA OKTOBER 2026

KILANG

DAERAH	PARLIMEN	2023	2024	2025	2026
DAERAH TIMUR LAUT	BUKIT BENDERA	2	3	3	3
	TANJONG	12	12	13	12
	JELUTONG	5	6	6	7
	BUKIT GELUGOR	17	18	17	18
DAERAH BARAT DAYA	BAYAN BARU	37	37	38	38
	BALIK PULAU	13	13	13	13
JUMLAH KESELURUHAN		**86**	**89**	**90**	**91**

GUDANG

DAERAH	PARLIMEN	2023	2024	2025	2026
DAERAH TIMUR LAUT	BUKIT BENDERA	0	0	0	0
	TANJONG	0	1	0	0
	JELUTONG	0	0	1	0
	BUKIT GELUGOR	1	1	1	1
DAERAH BARAT DAYA	BAYAN BARU	10	10	11	10
	BALIK PULAU	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN		**11**	**12**	**13**	**11**

BENGKEL HARAM

DAERAH	PARLIMEN	2023	2024	2025	2026
DAERAH TIMUR LAUT	BUKIT BENDERA	15	26	61	49
	TANJONG	12	22	49	41
	JELUTONG	24	44	104	78
	BUKIT GELUGOR	28	49	114	89
DAERAH BARAT DAYA	BAYAN BARU	29	41	123	155
	BALIK PULAU	18	23	63	83
JUMLAH KESELURUHAN		**126**	**205**	**514**	**495**

LAMPIRAN B

SENARAI JUMLAH KILANG, GUDANG DAN BENGKEL HARAM YANG TELAH DIKENAKAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN OLEH MBSP MENGIKUT DAERAH DAN KAWASAN BERMULA TAHUN 2023 SEHINGGA OKTOBER 2026

KILANG

DAERAH	PARLIMEN	2023	2024	2025	2026
SEBERANG PERAI UTARA	KEPALA BATAS	2	11	7	12
	TASEK GELUGOR	9	78	29	48
	BAGAN	2	57	18	40
SEBERANG PERAI TENGAH	PERMATANG PAUH	3	4	2	24
	BUKIT MERTAJAM	11	51	67	89
SEBERANG PERAI SELATAN	BATU KAWAN	25	105	48	67
	NIBONG TEBAL	5	29	31	27
JUMLAH KESELURUHAN		**57**	**335**	**202**	**307**

GUDANG

DAERAH	PARLIMEN	2023	2024	2025	2026
SEBERANG PERAI UTARA	KEPALA BATAS	0	0	0	0
	TASEK GELUGOR	0	0	0	0
	BAGAN	0	0	0	0
SEBERANG PERAI TENGAH	PERMATANG PAUH	0	0	0	2
	BUKIT MERTAJAM	0	0	0	3
SEBERANG PERAI SELATAN	BATU KAWAN	0	0	0	0
	NIBONG TEBAL	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN		**0**	**0**	**0**	**5**

BENGKEL HARAM

DAERAH	PARLIMEN	2023	2024	2025	2026
SEBERANG PERAI UTARA	KEPALA BATAS	0	0	0	0
	TASEK GELUGOR	0	0	0	15
	BAGAN	0	0	1	0
SEBERANG PERAI TENGAH	PERMATANG PAUH	0	0	0	3
	BUKIT MERTAJAM	0	0	0	4
SEBERANG PERAI SELATAN	BATU KAWAN	0	0	0	6
	NIBONG TEBAL	0	0	0	16
JUMLAH KESELURUHAN		**0**	**0**	**1**	**44**

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)4

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

4. Adakah bantuan dan elaun yang diterima atlet negeri mencukupi untuk menampung kos latihan, pemakanan, peralatan dan perjalanan pertandingan? Bilakah kadar tersebut kali terakhir dikaji?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

4. Bantuan dan elaun yang disediakan secara keseluruhannya adalah mencukupi bagi menampung keperluan asas latihan, pemakanan, peralatan, dan perjalanan pertandingan para atlet. Namun, pemberian ini adalah tertakluk kepada kelulusan Geran Tahunan Mengurus yang diterima oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP).

   Buat masa ini, MSNPP menyediakan elaun latihan bulanan kepada skuad persediaan Sukan Malaysia (SUKMA) Pulau Pinang dalam lingkungan RM150.00 hingga RM2,000.00 seorang, mengikut prestasi dan pencapaian pingat atlet pada SUKMA terdahulu bagi tempoh setiap dua tahun.

   Selain itu, pihak MSNPP turut menyalurkan bantuan lain kepada semua atlet-atlet negeri seperti:

   (a) Perkhidmatan nutrisi dan makanan tambahan (Supplement);

   (b) Perkhidmatan rehabilitasi dan fisiologi;

   (c) Perkhidmatan psikologi dan latihan pemantapan mental;

(d) Bantuan subsidi peralatan latihan;

(e) Insuran kecederaan;

(f) Bantuan dan biasiswa insentif pendidikan; dan

(g) Perkhidmatan Pengangkutan Kenderaan ke kejohanan jika terdapat kekosongan tempat.

Kali terakhir kadar bantuan dan elaun yang diberikan kepada atlet ini dikaji adalah pada tahun 2026 dan akan dikaji setiap dua tahun sekali.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)5

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

5. Pembangunan di sekitar Pengkalan Tambang adakah mengambil kira selekoh merbahaya di Taman Pasir Indah?

   (a) Apakah perancangan kerajaan terhadap rumah pangsa Pasir Indah yang diduduki oleh pekerja asing sebelum ini?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Bagi pembangunan di sekitar Pengkalan Tambang, aspek keselamatan jalan raya, khususnya di selekoh berbahaya berhampiran Taman Pasir Indah, merupakan antara aspek penting yang perlu diambil kira dalam penilaian cadangan pembangunan yang berpotensi meningkatkan aliran trafik di kawasan berkenaan. Penilaian teknikal berkaitan impak terhadap trafik dan keselamatan jalan raya merupakan antara skop yang perlu diambil kira sebelum sesuatu pembangunan dilaksanakan.

   Penilaian akan merangkumi kesan pertambahan trafik, keadaan geometri jalan termasuk selekoh, jarak penglihatan pemandu dan akses keluar masuk pembangunan selari dengan Arahan Teknik Jalan. Sekiranya penilaian mendapati pembangunan berkenaan berpotensi meningkatkan risiko keselamatan, langkah penambahbaikan yang bersesuaian perlu dikenal pasti dan diselaraskan dengan pihak berkuasa berkaitan sebelum kelulusan pembangunan diberikan.

(a) Mengikut rekod Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), pembinaan Rumah Pangsa Kos Rendah di Taman Pasir Indah telah diluluskan pada 27 November 2013 melalui Pelan Bilangan (59A) bernombor rujukan MPSP/70/39-32/2B.3 bagi memenuhi keperluan kuota 30% Rumah Kos Rendah bagi keseluruhan pembangunan perumahan di Taman Pasir Indah oleh Tetuan Jana Utama Sdn Bhd.

Terkini, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penggunaan Kuota Rumah Mampu Milik Bil. 2/2022 pada 13 Oktober 2022 telah meluluskan pemindahan kuota pematuhan tersebut ke projek Rumah Kos Rendah di Lot 1056–1059, Mukim 21, Seberang Perai Tengah oleh Tetuan Spirit of Perai. Dengan kelulusan pemindahan kuota tersebut, rumah pangsa di Taman Pasir Indah tidak lagi tertakluk kepada syarat pematuhan kuota Rumah Kos Rendah. Oleh itu, rumah pangsa berkenaan boleh ditawarkan untuk jualan kepada semua individu yang berminat tanpa tertakluk kepada syarat kelayakan pembeli Rumah Kos Rendah. Waiau bagaimanapun, pemaju perlu mendapatkan kelulusan pindaan syarat Kebenaran Merancang daripada MBSP terlebih dahulu bagi melaksanakan perubahan tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)6

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

6. Sejauh mana Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang memastikan aset, tanah, premis dan dana yang diamanahkan kepadanya diurus secara optimum, dan apakah bentuk audit atau pemantauan bebas yang dilakukan?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Pengurusan aset Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) bukan sahaja memberikan penekanan kepada aspek pemeliharaan dan perlindungan harta malah turut merangkumi usaha mengoptimumkan penggunaan, meningkatkan potensi penjanaan hasil serta memastikan manfaat aset dapat disalurkan secara berterusan kepada masyarakat Islam di Negeri Pulau Pinang. Bagi mencapai matlamat tersebut, MAINPP memberikan perhatian kepada beberapa aspek utama seperti berikut:

(i) **Pengurusan dan pemantauan aset secara sistematik** iaitu MAINPP melaksanakan pengurusan tanah dan hartanah melalui penyelenggaraan rekod pemilikan, pendaftaran aset, pengesahan sempadan serta pemantauan status penggunaan tanah dan premis. Usaha ini turut diperkukuh melalui pembangunan Sistem e-Hartanah MAINPP yang sedang dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan maklumat aset secara digital dan bersepadu;

(ii) **Mengoptimumkan penggunaan aset dan penjanaan hasil** iaitu MAINPP memberikan perhatian kepada pengurusan premis sewaan, pemantauan kutipan hasil,

penyelenggaraan hartanah serta usaha mengenal pasti aset yang berpotensi untuk dimajukan. Peranan Wakaf MAINPP turut melengkapkan usaha pengurusan dan pembangunan aset wakaf khususnya bagi memastikan tanah dan hartanah wakaf yang berpotensi dapat dimanfaatkan secara lebih produktif tertakluk kepada tujuan pewakafan dan kesesuaian pembangunan;

(iii) **Pengurusan Kewangan Secara Berhemah:** Dari aspek pengurusan kewangan, MAINPP sentiasa memberikan penekanan terhadap pematuhan tatacara dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa, kawalan perbelanjaan, pengurusan hasil serta penyelenggaraan rekod perakaunan yang sistematik dan teratur. Pengurusan kewangan turut dilaksanakan dengan mengambil kira keutamaan perbelanjaan, keperluan operasi serta kepentingan memastikan setiap sumber kewangan diurus dan dimanfaatkan secara cekap, berhemah dan bertanggungjawab, selaras dengan objektif serta tanggungjawab MAINPP dalam menjaga kepentingan umat Islam di Negeri Pulau Pinang;

(iv) **Pemantauan tadbir urus dan kawalan dalaman:** Bagi memastikan pengurusan aset dan kewangan dilaksanakan secara teratur, MAINPP mempunyai Bahagian Audit Dalam yang berperanan menjalankan pemeriksaan dan penilaian terhadap keberkesanan kawalan dalaman, pematuhan peraturan kewangan serta pengurusan aset; dan

(v) **Pengauditan bebas dan akauntabiliti kewangan:** Dari aspek pemantauan bebas, penyata kewangan MAINPP tertakluk kepada proses pengauditan oleh Jabatan Audit Negara bagi memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan secara teratur, telus dan mematuhi peraturan serta tatacara kewangan yang berkuat kuasa. Proses pengauditan ini merupakan mekanisme semak dan imbang yang penting dalam memperkukuh akauntabiliti serta memastikan pengurusan kewangan MAINPP sentiasa berada pada tahap yang baik.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)7

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

7. Berapakah jumlah bengkel kenderaan berat dan tempat simpanan jentera berat di sepanjang jalan Permatang Pauh ke Kubang Semang?

   (a) Nyatakan bengkel yang berlesen dan yang tidak berlesen.

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Jumlah bengkel kenderaan berat dan tempat simpanan jentera berat di sepanjang Jalan Permatang Pauh sehingga ke Kubang Semang adalah sebanyak sembilan (9) buah premis.

   (a) Senarai bengkel yang mempunyai lesen adalah sebanyak enam (6) buah premis, manakala tiga (3) buah premis lagi tidak berlesen. Perincian adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

BIL.	STATUS LESEN	KETERANGAN LESEN	ALAMAT	NAMA PEMEGANG LESEN	NAMA SYARIKAT
1	BERLESEN	HAULAGE AND LOGICTICS / HAULAGE DAN LOGISTICS	LOT 21, MUKIM 2, BUKIT MERAH, 13500 PERMATANG PAUH, PULAU PINANG	TAN HENG CHUAN	ENG JOO LOGISTICS SDN. BHD.
2	BERLESEN	BENGKEL KENDERAAN	DI ATAS LOT 948, OFF JALAN KUBANG SEMANG, 13500 PERMATANG PAUH, PULAU PINANG	LU ENG TAT	ORO RESOURCES SDN. BHD.
3	BERLESEN	BENGKEL MEMBAIKI LORI DAN JENTERA BERAT / PEJABAT	LOT 10468, MUKIM 2, JALAN KUBANG SEMANG, 13500 PERMATANG PAUH, PULAU PINANG	TAN SIEK CHOEW	ISMAJU ENGINEERING & CONSTRUCTION
4	BERLESEN	BENGKEL MEMBAIKI LORI	1045, TANJUNG PUTUS, BUKIT MERAH, 13500 PERMATANG PAUH, PULAU PINANG	TAN KOK SIANG	WAN RUI REPAIR CENTRE
5	BERLESEN	TEMPAT MENYIMPAN KENDERAAN	LOT 1589, MUKIM 4, BUKIT MERAH, 13500 PERMATANG PAUH, PULAU PINANG	ZAKARIA BIN MAMAT	PELANGI SETIA ENTERPRISE
6	BERLESEN	BENGKEL MEMBAIKI KENDERAAN DAN SERVIS	1616, JALAN KUBANG SEMANG, BUKIT MERAH, 13500 PERMATANG PAUH, PULAU PINANG	CHIA YING LOONG	SOON SOON HUAT MOTOR
7	TIDAK BERLESEN	BENGKEL MEMBAIKI KENDERAAN BERAT	LOT 10154 & LOT 10155, BUKIT MERAH, 13500 PERMATANG PAUH, PULAU PINANG	MOHD NOR BIN ISMAIL	RIMBUNAN HARTA ENTERPRISE
8	TIDAK BERLESEN	MELETAK BADAN LORI DAN KENDERAAN BERAT	NO. LOT 1841, MUKIM 04, JALAN PERMATANG ARA, BUKIT MERAH, 13500 PERMATANG PAUH, PULAU PINANG	ANG KEAN SENG	SENTIASA HEBAT
9	TIDAK BERLESEN	MEMBAIKI AIRCOND DAN PENDAWAIAN KENDERAAN	1645, JALAN KUBANG SEMANG, BUKIT MERAH, 13500 PERMATANG PAUH, PULAU PINANG	LIM DING SHUIN	LDS AUTO ELECTRICAL & AIRCOND SERVICE

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)8

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM@ MD HASHIM

8. Jika seseorang benar-benar berada dalam kesusahan tetapi permohonan zakatnya mengambil masa yang lama, apakah sebenarnya punca kelewatan dan siapakah yang bertanggungjawab memastikan kes tersebut diselesaikan?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. Antara faktor yang boleh menyebabkan kelewatan pemprosesan permohonan bantuan zakat adalah dokumen sokongan yang tidak lengkap, maklumat pemohon yang tidak tepat serta keperluan menjalankan siasatan dan pengesahan lanjut bagi memastikan kelayakan pemohon dan kesesuaian bantuan yang disalurkan.

   Waiau bagaimanapun, Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sentiasa memberikan keutamaan kepada kes-kes kritikal yang memerlukan tindakan segera, khususnya melibatkan keperluan asas seperti makanan, kesihatan dan kelangsungan hidup.

   Bagi pemohon yang benar-benar berada dalam keadaan mendesak dan memenuhi syarat kelayakan asnaf, Zakat MAINPP menyediakan Skim Kecemasan Tunai di kaunter Ibu Pejabat bagi membolehkan bantuan disalurkan dengan segera. Pertimbangan bantuan ini dibuat berdasarkan tahap kesegeraan dan keperluan sebenar pemohon, di samping mengambil kira rekod bantuan terdahulu bagi mengelakkan permohonan berulang dalam tempoh yang singkat tanpa alasan yang munasabah.

Selain itu, kes-kes perubatan yang melibatkan pembedahan, rawatan kritikal dan keperluan kesihatan mendesak turut diberikan keutamaan. Melalui kerjasama dengan Jabatan Kerja Sosial Perubatan di hospital-hospital seluruh Pulau Pinang, kes-kes berkenaan dapat dikenal pasti, diselaras dan dipertimbangkan dengan lebih segera bagi memastikan kebajikan pesakit yang memerlukan bantuan tidak terjejas.

Dari aspek akauntabiliti, setiap Ketua Bahagian dan Ketua Jabatan yang berkaitan bertanggungjawab memastikan semua permohonan bantuan zakat diproses dan dipantau mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan. Tanggungjawab ini turut merangkumi tindakan susulan terhadap permohonan yang tertangguh serta memastikan kes-kes kritikal diberikan perhatian dan penyelesaian sewajarnya.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)9

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

9. Apakah status pendaftaran permohonan tanah wakaf Surau Kampung Paya Bukit Mertajam yang telah dibuat sebelum ini?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Tanah wakaf Surau Kampung Paya Bukit Mertajam sedang dalam proses pendaftaran. Tanah ini merupakan milik individu yang telah meninggal dunia dan berstatus tanah pertanian. Bagi kes sebegini, prosedur pendaftaran perlu melibatkan perintah mahkamah.

MESYUARATKEDUAPENGGALKEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)10

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

10. Selain bantuan kewangan bulanan, apakah program Majlis Agama Islam Pulau Pinang untuk membantu penerima zakat keluar daripada kebergantungan kepada bantuan melalui latihan, modal perniagaan dan peluang pekerjaan?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui Zakat MAINPP memperkasa pembangunan modal insan dan meningkatkan taraf sosioekonomi golongan asnaf menerusi pelaksanaan pelbagai skim bantuan, program pembangunan keusahawanan, pendidikan profesional serta latihan kemahiran.

    Pendekatan ini memberi penekanan kepada pembangunan keupayaan, peningkatan kemahiran dan penyediaan peluang ekonomi yang mampan bagi membantu mereka mencapai kemandirian serta berpotensi beralih daripada golongan penerima zakat kepada pembayar zakat (muzakki). Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

    (i) Skim Bantuan Keusahawanan Dan Perniagaan

        Zakat MAINPP menyediakan pelbagai bentuk bantuan bagi membolehkan golongan asnaf memulakan, mengembangkan dan memperkukuh perniagaan masing-masing. Bantuan dan inisiatif yang disediakan merangkumi:

(1) Bantuan Modal Pusingan;

(2) Bantuan Peralatan Perniagaan;

(3) Bantuan Deposit Sewaan Premis Perniagaan;

(4) Program Kecemerlangan Hala iaitu pelaksanaan program pembangunan dan pematuhan halal melalui kerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dan Penang Halal International (PHI); dan

(5) Pembinaan Kotej Perniagaan.

(ii) Program Latihan Kemahiran Dan Pembangunan Keusahawanan

Selain bantuan berbentuk kewangan dan peralatan, Zakat MAINPP turut memberi penekanan kepada peningkatan ilmu, kemahiran teknikal serta keupayaan pengurusan perniagaan dalam kalangan usahawan asnaf. Antara program latihan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(1) Latihan Kemahiran Penyediaan Makanan dan Minuman (F&B);

(2) Latihan Pengurusan Perniagaan dan Kewangan;

(3) Latihan Pemasaran dan Keusahawanan Digital;

(4) Latihan Kemahiran Perkhidmatan dan Penjagaan Kesihatan; dan

(5) Latihan Pengendalian Makanan dan Keselamatan Kesihatan.

(iii) Penyertaan Usahawan Asnaf Dalam Pameran, Ekspo Dan Program *Meetings, Incentives, Conferences and Exhibitions* (MICE)

Zakat MAINPP turut menyediakan peluang kepada usahawan asnaf untuk menyertai program pameran, ekspo, karnival perdagangan dan aktiviti berkaitan industri MICE

(*Meetings, Incentives, Conferences and Exhibitions*) di peringkat tempatan serta antarabangsa.

Melalui inisiatif ini, Zakat MAINPP membantu menyediakan kemudahan tapak pameran, reruai perniagaan, kanopi dan keperluan berkaitan bagi membolehkan usahawan asnaf mempromosi, memasarkan serta menjual produk dan perkhidmatan mereka secara terus kepada pengguna.

(iv) Program Pendidikan Profesional Anak-Anak Asnaf

Dalam usaha membangunkan modal insan generasi kedua asnaf, Zakat MAINPP turut menyediakan peluang pendidikan profesional kepada anak-anak daripada keluarga asnaf yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

(v) Program Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (TVET)

Zakat MAINPP turut memperkukuh pembangunan kemahiran belia asnaf melalui program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan kerjasama pelbagai agensi latihan serta pemain industri.

Program ini menyasarkan golongan belia asnaf lelaki dan wanita khususnya yang berumur antara 18 hingga 35 tahun bagi membolehkan mereka memperoleh kemahiran teknikal yang relevan dengan keperluan pasaran pekerjaan semasa. Antara bidang latihan yang diberikan tumpuan adalah seperti berikut:

(i) Pengendalian kenderaan berat;

(ii) Pengendalian mesin dan peralatan industri;

(iii) Kejuruteraan mekanikal dan penyelenggaraan teknikal;

(iv) Automasi industri dan teknologi kecerdasan buatan (AI); dan

(v) Bidang kemahiran teknikal lain yang mempunyai permintaan tinggi dalam sektor perindustrian.

Selain itu, Zakat MAINPP turut melaksanakan Program *Skill-Up* yang memberi fokus kepada belia asnaf berkelulusan diploma atau ijazah sarjana muda yang masih belum memperoleh pekerjaan tetap. Program ini bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui latihan kemahiran tambahan yang bersesuaian dengan permintaan majikan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)11

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

11. Berapakah jumlah kos operasi yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri akibat kenaikan harga minyak diesel?

    (a) Nyatakan berapa peratus kenaikan kos operasi akibat kenaikan diesel dalam sektor perkhidmatan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

11. Sehingga 30 September 2026, Kerajaan Negeri telah mencatatkan jumlah perbelanjaan bahan bakar termasuk diesel secara keseluruhan sebanyak **RM1,629,927.40**. Peningkatan nilai ini agak ketara jika dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun 2025 yang mencatat nilai sebanyak **RM431,992.68**.

    (a) Peratus kenaikan kos operasi akibat kenaikan kos bahan bakar termasuk penggunaan diesel adalah sebanyak **277.48%**.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)12

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM@ MD HASHIM

12. Apakah penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang bagi masalah kesesakan di laluan utama Permatang Pauh ke Pekan Permatang Pauh dan sekitar Permatang Pasir, terutama pada waktu puncak?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. Cadangan penyelesaian bagi mengurangkan kesesakan di laluan utama Permatang Pauh ke Pekan Permatang Pauh dan sekitar Permatang Pasir, khususnya pada waktu puncak, merangkumi langkah jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut:

Langkah jangka pendek:

(i) Menilai sekatan waktu pergerakan lori dan jentera berat pada waktu puncak, tertakluk kepada bidang kuasa dan kelulusan pihak berkuasa berkaitan;

(ii) Menyelaras tempoh lampu isyarat di persimpangan yang sesak berdasarkan jumlah trafik semasa;

(iii) Mempertingkat penguatkuasaan terhadap parkir dan aktiviti pemunggahan barang yang menghalang aliran trafik di kawasan pecan;

(iv) Pertimbangkan cadangan menempatkan anggota penguat kuasa di lokasi kritikal pada waktu puncak dan menambah baik garisan jalan dan papan tanda; dan

(v) Mengumpul data aliran trafik bagi mengenal pasti lokasi utama kesesakan dan menentukan tindakan yang bersesuaian.

Langkah jangka panjang:

(i) Menilai cadangan jalan alternatif dari Bandar Perda ke Permatang Ara bagi mengurangkan trafik melalui Permatang Tok Kandu dan Jalan Tanah Liat;

(ii) Menilai keperluan pelebaran jalan, naik taraf persimpangan dan penambahbaikan saliran di Pekan Permatang Pauh berdasarkan kajian kejuruteraan;

(iii) Menilai sambungan jalan alternatif dan penambahbaikan persimpangan sekitar Permatang Pasir bagi mengurangkan trafik melalui kawasan kediaman;

(iv) Menambah baik kekerapan perkhidmatan bas, kemudahan hentian dan kesalinghubungan perjalanan bagi mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian; dan

(v) Memastikan pembangunan perumahan dan komersial baharu disertai penilaian impak trafik serta langkah mitigasi yang bersesuaian.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)13

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM@ MD HASHIM

13. Nyatakan kawasan hitam gejala dadah di DUN Permatang Pasir.

    (a) Apakah usaha yang telah dilakukan oleh pihak berkuasa?

    (b) Berapakah jumlah tangkapan yang telah dibuat dan berapakah usia paling muda OKT?

    (c) Apakah jenis dadah yang sering digunakan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. Terdapat 3 kawasan hitam gejala dadah di DUN Permatang Pasir iaitu:

    (i) Kampung Petani

    (ii) Permatang Pasir

    (iii) Tanah Liat

    (a) Kerajaan Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Pulau Pinang terus memperkukuh usaha pencegahan dan pembanterasan dadah melalui langkah-langkah berikut:

        (i) Melaksanakan OP Tapis Khas dan operasi bersepadu bagi membanteras kegiatan dadah.

(ii) Menjalankan rondaan dan serbuan secara berkala di kawasan panas (hotspot) yang dikenal pasti.

(iii) Melaksanakan lawatan sektor sebanyak dua (2) kali seminggu di kawasan yang dikenal pasti sebagai lokasi aktiviti penagihan dadah.

(iv) Memperkasa peranan SKUAD Antidadah dalam meningkatkan kesedaran masyarakat dan mengenal pasti individu berisiko.

(v) Menganjurkan ceramah, pameran, kempen kesedaran dan program advokasi yang menyasarkan pelajar, belia, ibu bapa serta komuniti setempat.

(vi) Melaksanakan inisiatif Kampung Aspirasi Bebas Dadah (KABD) bagi menggalakkan penglibatan komuniti dalam pencegahan, pengesanan awal dan pembanterasan penyalahgunaan dadah.

(b) Berikut merupakan statitik jumlah tangkapan mengikut umur bagi DUN Permatang Pasir dalam **Jadual 1.**

DUN Permatang Pasir							Jumlah Keseluruhan Tangkapan
Pecahan Umur	**14-18**	**19-24**	**25-29**	**30-34**	**35-40**	**>41**	**1,961**
Tangkapan	**78**	**339**	**408**	**192**	**370**	**574**	

Jadual1

Daripada jumlah tersebut, umur paling muda Orang Kena Tahan (OKT) yang direkodkan ialah berusia 16 tahun.

(c) Berikut merupakan statistik jenis dadah yang sering digunakan:

Jenis Dadah	Jumlah
Methamphetamine	944
Ketum	420
Heroin	403

Jenis Dadah	Jumlah
Ganja	116
Pil Erimin 5	78
Jumlah keseluruhan	**1,961**

Berdasarkan statistik tangkapan *Methamphetamine* merupakan jenis dadah yang paling kerap dikesan. Statistik ini menunjukkan bahawa penyalahgunaan *Methamphetamine* masih merupakan dadah utama yang dikesan di kawasan DUN Permatang Pasir dan memerlukan perhatian berterusan melalui pendekatan pencegahan, pendidikan serta penguatkuasaan yang bersepadu.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)14

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

14. Bagaimanakah kawasan pertanian dan sumber pendapatan pesawah atau petani tempatan dapat dilindungi dalam menghadapi tekanan pembangunan serta perubahan guna tanah?

    (a) Senaraikan jumlah sawah padi yang telah berjaya dipulihkan dan yang masih lagi dalam proses pemulihan.

    (b) Apakah faktor utama yang menyebabkan pesawah tidak lagi berminat meneruskan aktiviti membuat bendang?

YB DATO' HAJI RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Pertanian Negeri melaksanakan pelbagai inisiatif bagi melindungi kawasan pertanian serta memastikan kelangsungan sumber pendapatan pesawah dan petani tempatan dalam menghadapi tekanan pembangunan dan perubahan guna tanah.

    Antara langkah yang dilaksanakan ialah mengekalkan kawasan penanaman padi seluas 11,858 hektar sebagai kawasan pengeluaran makanan, membangunkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Agropark seluas 335 hektar yang melibatkan 129 peserta komersial, serta meningkatkan produktiviti melalui penggunaan teknologi moden dan mekanisasi pertanian.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) bagi tempoh 2026–2030, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan RM3.25 juta bagi pembangunan tanaman padi dan RM5.50 juta bagi pembangunan kelompok tani. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan produktiviti, mengukuhkan pengurusan serta pemasaran hasil dan membantu mengekalkan daya maju aktiviti pertanian.

(a) Berdasarkan rekod Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pulau Pinang, keluasan Pasel Padi Aktif di Pulau Pinang ialah 11,858.08 hektar daripada keseluruhan 12,218.16 hektar pasel padi. Pecahan keluasan Pasel Padi Aktif mengikut daerah adalah seperti berikut:

(i) Seberang Perai Utara: 8,064.12 hektar;

(ii) Seberang Perai Tengah: 2,348.41 hektar;

(iii) Seberang Perai Selatan: 1,217.00 hektar; dan

(iv) Barat Daya: 290.56 hektar.

Bagi tempoh 2020 hingga 2025, IADA Pulau Pinang merekodkan pelaksanaan kerja pemulihan dan penambahbaikan sawah yang merangkumi pembinaan parit ladang sepanjang 364,550 meter, perataan tanah sawah seluas 2,368.59 hektar, pembinaan batas sawah sepanjang 37,553.26 meter, pemasangan 44 unit kotak kawalan air serta kerja menambun 779 lubang tanah jerlus. Selain itu, bekalan input baja meliputi 1,694.50 hektar dan petak model pengurusan sawah padi meliputi 5,536.68 hektar.

Walau bagaimanapun, data keluasan sawah yang berjaya dipulihkan mengikut daerah dan tahun bagi tempoh 2022 hingga 2025, serta keluasan yang masih dalam proses pemulihan, tidak direkodkan sebagai siri masa oleh Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, jumlah keluasan sawah yang telah pulih sepenuhnya dan yang masih dalam

proses pemulihan tidak dapat diperincikan berdasarkan rekod yang tersedia.

(b) Antara faktor utama yang boleh mempengaruhi minat pesawah untuk meneruskan aktiviti penanaman padi ialah peningkatan kos pengeluaran, pulangan pendapatan yang tidak menentu, kekurangan tenaga kerja dan pelapis muda, saiz pegangan sawah yang kecil serta masalah fizikal tanah dan sistem pengairan dan saliran.

Kos pengeluaran yang tinggi, termasuk kos jentera, benih, baja, racun dan penuaian, boleh mengurangkan pendapatan bersih pesawah. Pada masa yang sama, masalah tanah jerlus, saliran yang kurang berkesan serta ancaman rumpai dan perosak boleh menjejaskan produktiviti dan meningkatkan kos pengurusan sawah.

Selain itu, faktor usia pesawah dan kekurangan penglibatan golongan muda turut menjadi cabaran kepada kesinambungan aktiviti penanaman padi. Tekanan pembangunan dan perubahan guna tanah juga menambah cabaran dalam mengekalkan kawasan sawah serta daya maju sektor padi di Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)15

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

15. Apakah status bekas kolam ikan yang telah saya cadangkan pada sesi Sidang DUN yang lepas sebagai retention pond untuk mengatasi masaalah banjir di Kampung Kolam?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Kejadian banjir yang berlaku di Kampung Kota yang turut dikenali sebagai Kampung Kolam oleh penduduk setempat adalah berpunca daripada kenaikan aras air laut dan hujan di luar jangka. Bagi mengurangkan kejadian banjir ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) telah mengambil langkah proaktif dengan mencadangkan pembinaan pintu kawalan pasang surut dalam Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Perai Fasa 2 yang telah diluluskan pra-pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Ke-13, *Rolling Plan 2*.

    Cadangan untuk menggunakan kolam bekas tapak ternakan ikan di atas tanah milik *Chief Minister Incorporated* (CMI) sebagai kolam takungan sementara (*detention pond*) tidak dapat mengurangkan kejadian banjir secara ketara di Kampung Kota memandangkan sistem perparitan kampung yang tidak sistematik dan aras kampung berada lebih rendah dari aras kedudukan kolam tersebut.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)16

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

16. Selepas kerajaan membelanjakan wang untuk pembangunan sukan, apakah ukuran prestasi yang digunakan? Adakah berdasarkan jumlah atlet yang berjaya, pingat, penyertaan masyarakat atau hasil ekonomi?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Bagi menilai keberkesanan perbelanjaan Kerajaan Negeri dalam pembangunan sukan, ukuran prestasi perlu merangkumi aspek yang lebih luas berbanding jumlah pingat semata-mata, seperti pencapaian atlet, keberkesanan pembangunan bakat, penyertaan masyarakat, kecekapan penggunaan peruntukan, serta impak ekonomi kepada negeri.

    Sehubungan itu, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) mengintegrasikan petunjuk prestasi sukan berprestasi tinggi seperti pencapaian pertandingan, pembangunan atlet pelapis, kualiti kejurulatihan, aplikasi sains sukan dan tadbir urus persatuan dengan ukuran impak menyeluruh. Pada masa yang sama, penilaian berkala terhadap Persatuan Sukan Negeri terus dilaksanakan bagi memastikan setiap peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan menghasilkan output dan impak terbaik.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)17

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

17. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi pengangguran di kalangan belia?

    (a) Berapakah jumlah peratus pengangguran golongan belia di Pulau Pinang tahun 2023 hingga 2025?

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Antara langkah-langkah strategik yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi pengangguran di kalangan belia adalah menarik pelaburan langsung asing (FDI) dan domestik yang berkualiti ke Negeri Pulau Pinang. Kemasukan syarikat multinasional ini telah mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan yang memerlukan kemahiran teknikal dan profesional terutamanya dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan pengurusan rantaian bekalan.

    Kerajaan Negeri memainkan peranan penting dalam menggalakkan kerjasama antara institusi pendidikan dan industri. Institusi seperti Universiti Sains Malaysia dan Penang Skills Development Centre (PSDC) menjadi contoh utama dalam usaha menyelaraskan kurikulum dengan keperluan industri. Melalui program latihan industri, TVET serta inisiatif peningkatan kemahiran *upskilling* dan latihan semula *reskilling*, pelajar dan pekerja didedahkan kepada kemahiran praktikal yang relevan dengan kehendak pasaran kerja semasa.

Model kerjasama yang diterapkan adalah antara yang terbaik di Malaysia kerana melibatkan penyertaan aktif sektor swasta dalam pembangunan kurikulum dan latihan. Pendekatan ini membantu mengurangkan jurang antara teori akademik dan aplikasi praktikal di tempat kerja.

Di PSDC, pelajar bukan sahaja didedahkan ilmu teori malah menggunakan peralatan dan teknologi sebenar seperti yang digunakan di industri. Kerjasama dengan syarikat seperti Intel, Bosch dan Motorola Solutions juga membantu pelajar untuk memahami situasi sebenar alam pekerjaan melalui program latihan industri dan *apprenticeship* malahan memberi peluang untuk belajar sambil bekerja. Melalui pengalaman ini, pelajar dapat membina kemahiran, keyakinan diri serta hubungan yang baik dengan majikan.

Melalui Penang STEM 4.0, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan pendekatan berstruktur dengan membina laluan kemahiran yang selari dengan keperluan industri. Antara inisiatif utama termasuklah:

(i) Pelaksanaan program *Technical Skill Learning* (TSL) iaitu pra-Akademi Dalam Industri (ADI) di peringkat menengah atas (tingkatan 4 dan 5) yang mengintegrasikan silibus *National Occupational Skills Standard* (NOSS) serta pengiktirafan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK);

(ii) Kerjasama strategik bersama pelbagai agensi seperti JPK, Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET) dan pihak industri dalam pembangunan kurikulum, latihan dan penempatan kerja bagi memastikan graduan memenuhi kehendak pasaran;

(iii) Pelaksanaan model *work-study* melalui ADI yang membolehkan pelajar bekerja sambil belajar serta menerima elaun; dan

(iv) Penyediaan laluan kerjaya yang jelas daripada peringkat sekolah ke latihan industri, persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan seterusnya ke pekerjaan tetap.

Pendekatan ini secara langsung menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang memenuhi keperluan industri semasa.

(a) Kadar peratus pengangguran golongan belia di Pulau Pinang dari tahun 2023 hingga 2025 adalah seperti berikut:

Jadual 1: Kadar Pengangguran Belia Pulau Pinang Dari Tahun 2023 Hingga 2025

Tahun	Kadar Pengangguran Belia (%)
2023	9.6
2024	4.8
2025	6.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)18

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

18. Bagaimanakah kerajaan memastikan projek perumahan baharu tidak meningkatkan risiko banjir atau membebankan sistem jalan dan perparitan sedia ada?

    (a) Adakah di pihak kerajaan telah wujud akta atau undang-undang mengenakan tindakan kepada pemaju yang menyebabkan kerugian kepada penduduk untuk membayar ganti rugi jika rumah mereka mengalami kerosakan akibat banjir?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Kerajaan Negeri memastikan setiap projek perumahan baharu tidak meningkatkan risiko banjir atau membebankan sistem jalan dan perparitan sedia ada melalui syarat kelulusan pembangunan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Antara langkah-langkah yang dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

    (i) **Semakan pelan teknikal pembangunan** bagi memastikan Pelan Kerja Tanah serta Pelan Jalan dan Parit mematuhi syarat dan piawaian teknikal yang ditetapkan oleh PBT;

    (ii) **Penilaian sistem saliran dan kawalan banjir** oleh JPS dan PBT berdasarkan Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA) termasuk kecukupan kapasiti perparitan, penyediaan kolam takungan dan kawalan aliran air larian permukaan;

(iii) **Penilaian impak trafik melalui Kajian Impak Trafik (TIA)** bagi mengenal pasti keperluan mitigasi atau penaiktarafan jalan; dan

(iv) **Pemantauan pematuhan syarat kelulusan sebelum dan semasa pembinaan** bagi memastikan keperluan teknikal serta langkah mitigasi dipatuhi oleh pemaju.

(a) Tindakan penguatkuasaan terhadap pemaju yang melanggar syarat kelulusan pembangunan boleh diambil berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkaitan. Antaranya Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] termasuk Seksyen 70A berkaitan kerja tanah, serta Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]. Tindakan tersebut adalah tertakluk kepada bidang kuasa pihak berkuasa yang berkenaan.

Bagi tuntutan ganti rugi akibat kerosakan rumah yang berpunca daripada banjir, penduduk boleh mengemukakan tuntutan melalui saluran perundangan yang bersesuaian. Tuntutan tersebut tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang berkaitan, penentuan punca kejadian serta pembuktian liabiliti pihak yang bertanggungjawab. JPS berperanan memberikan ulasan dan nasihat teknikal berkaitan pengurusan sungai, sistem saliran dan risiko banjir.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA: 4(A)(XI)19

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

19. Adakah audit keselamatan yang telah disebut dalam ucapan penggulungan EXCO pada sidang yang lepas berhubung isu Jalan Permatang Pauh ke Kubang Semang telah siap dibuat?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Untuk makluman Yang Berhormat, audit keselamatan jalan raya bagi Jalan Kubang Semang–Permatang Pauh telah dinyatakan dalam jawapan Soalan Lisan No. 16 pada 12 Mei 2026, dan bukannya dalam ucapan penggulungan. Audit tersebut masih belum dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP). Sebaliknya, satu lawatan tapak bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), JKR Seberang Perai Tengah (JKRPPSPT) dan pihak sekolah telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Permatang Pauh pada 1 Oktober 2026. Hasil lawatan tersebut, pihak PDRM telah bersetuju untuk melaksanakan rondaan secara berkala, terutamanya pada waktu puncak. Selain itu, persetujuan bersama turut dicapai bagi menyediakan satu lintasan pejalan kaki berlampu isyarat jenis butang tekan (push button). Permohonan bagi penyediaan kemudahan ini telah dikemukakan kepada JKRPP pada 6 Oktober 2026, dan seterusnya pihak JKRPP akan mengangkat permohonan tersebut kepada Jabatan Kewangan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan.

Bagi meningkatkan tahap keselamatan dan kelancaran trafik di sepanjang Jalan Permatang Pauh ke Kubang Semang, beberapa kerja penambahbaikan fizikal telah dilaksanakan dan sedang dirancang di lokasi-lokasi berikut:

(i) Jalan Penanti – Kubang Semang (Hadapan TotalEnergies Quartz - Rumah Kedai Permatang Pauh): Pemasangan *Yellow Box*.

(ii) Jalan Penanti – Kubang Semang (Sekolah Kebangsaan Bukit Indera Muda): Pemasangan *Transverse Bar*.

(iii) Jalan Penanti – Kubang Semang (Berdekatan Tadika An-Nahdhoh): Pemasangan *Railing*.

Di samping itu, bagi penyelesaian jangka panjang, pihak Kerajaan Negeri melalui perancangan projek bercadang untuk menaik taraf dan membina jalan baharu serta kerja-kerja berkaitan bagi penguraian trafik di Pekan Penanti, Seberang Perai Tengah.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)20

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

20. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menaik taraf Pasar Permatang Pauh bagi menjamin keselesaan pengunjung dan penduduk sekitar?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mempunyai cadangan untuk melaksanakan pembangunan semula Pasar Awam Sama Gagah, Permatang Pauh bagi meningkatkan keselesaan pengunjung serta penduduk sekitar di samping menambah baik kemudahan dan persekitaran pasar agar lebih kondusif.

    Sehubungan dengan itu, pihak MBSP telah mengemukakan permohonan peruntukan berjumlah RM18.0 juta kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 15 September 2026 bagi tujuan pelaksanaan projek tersebut. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh pihak KPKT.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)21

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

21. Berapakah jumlah CCTV yang dipasang di Daerah Seberang Perai Tengah dan berikan mengikut kawasan?

    (a) Daripada keseluruhan CCTV di Daerah Seberang Perai Tengah, berapakah jumlah yang aktif dan yang tidak aktif (rosak)?

    (b) Pihak manakah yang bertangungjawab mengawasi CCTV? Adakah Polis Diraja Malaysia atau Majlis Bandaraya Seberang Perai?

YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah memasang sebanyak 501 unit Kamera Litar Tertutup (CCTV) di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT). Pecahan jumlah pemasangan mengikut Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) adalah seperti yang berikut:

BIL.	KADUN	JUMLAH CCTV (UNIT)
1.	N10 Seberang Jaya	161
2.	N11 Permatang Pasir	13
3.	N13 Berapit	43
4.	N14 Machang Bubuk	51
5.	N15 Padang Lalang	13
6.	N16 Perai	117
7.	N17 Bukit Tengah	103
JUMLAH KESELURUHAN		**501**

(a) Daripada 501 unit CCTV yang dipasang di Daerah SPT, sebanyak 361 unit telah beroperasi, manakala 140 unit lagi masih dalam proses pemasangan baharu dan belum diaktifkan.

(b) MBSP hanya bertanggungjawab mengawasi 501 unit CCTV yang dipasang di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)22

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM@ MD HASHIM

22. Apakah status terkini pembinaan Masjid Madani di Pekan Permatang Pauh? Adakah mengikut jadual atau berlaku kelewatan?

    (a) Nyatakan sempadan kariah Masjid Madani dengan Masjid Permatang Pauh dan Masjid Permatang Janggus.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Status terkini projek pembinaan Masjid MADANI Permatang Pauh sehingga 30 September 2026 dibahagikan mengikut fasa seperti berikut:

    (i) Fasa 1 kerja-kerja tanah, cerucuk dan kerja berkaitan: Kelewatan -0.01% (99.9% kerja sebenar) berbanding 100% kerja jadual. Kelewatan berlaku akibat sedikit ketidaksejajaran binaan & dalam proses pembetulan oleh kontraktor;

    (ii) Fasa 2 kerja pembinaan bangunan dan kerja berkaitan: Kelewatan -8.88% (8.56% kerja sebenar) berbanding 17.44% kerja jadual (lewat 67 hari). Kelewatan berlaku akibat kelewatan penyiapan Fasa 1. Pelan mitigasi sedang dikaji oleh kontraktor Fasa 2 bagi mengelakkan kelewatan berlarutan; dan

(iii) Projek ini dipantau secara langsung oleh Pejabat Perdana Menteri (PMO) dan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pembangunan Masjid MADANI Permatang Pauh.

(a) Sempadan kawasan kariah Taman Arowana (Masjid MADANI) ditentukan berdasarkan sempadan geografi seperti berikut:

(i) Utara: Bermula dari Titi Sungai Ampang Jajar, melalui Jalan Permatang Pauh hingga ke Jalan Taman Arowana, bersebelahan kedai pakaian MF Mart;

(ii) Selatan: Bermula dari bulatan utama Seberang Jaya, melalui Lebuhraya BKE hingga ke bahagian belakang stesen minyak Petronas;

(iii) Timur: Bermula dari Tanah Perkuburan Islam Simpang Tiga, melalui sempadan Taman Seri Arowana hingga ke sempadan Taman Wakaf Setee Aisyah 1; dan

(iv) Barat: Bermula dari Titi Sungai Ampang Jajar, menyusuri Sungai Perai hingga ke garisan Lot Kampung Bagan Serai.

Bagi kariah Permatang Pauh pula ianya merangkumi Taman Arowana Emas, Taman Seri Arowana, Rumah Pangsa Arowana, rumah teres dua tingkat, rumah kedai Pekan Permatang Pauh, Flat Ampang Jajar dan Kampung Bagan Serai.

Manakala, kariah Permatang Janggus pula merangkumi Taman Seri Arowana, Arowana Residen, Wakaf Setee Aisyah Fasa 2, Kuarters Polis Seberang Jaya dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Seberang Jaya.

Penetapan sempadan dan kawasan liputan kariah ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bil. 11/2024 (Kali Ke-259) pada 18 November 2024. Pelan sempadan kariah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

PELAN SEMPADAN KARIAH BAGI MASJID MADANI PERMATANG PAUH



ID299/24

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)23

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

23. Kerajaan Negeri sering menyatakan Pulau Pinang mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh. Namun apakah bukti bahawa pertumbuhan KDNK dan peningkatan pelaburan tersebut telah diterjemahkan kepada peningkatan pendapatan, peluang pekerjaan dan taraf hidup rakyat Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

23. Kekukuhan ekonomi Pulau Pinang bukan sahaja perlu diukur melalui pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan peningkatan nilai pelaburan, malah turut mengambil kira sejauh mana pencapaian tersebut diterjemahkan kepada peningkatan pendapatan, peluang pekerjaan serta kesejahteraan hidup rakyat.

Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), ekonomi Pulau Pinang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.3 peratus pada tahun 2025, mengatasi pertumbuhan nasional sebanyak 5.2 peratus, dengan nilai KDNK negeri meningkat daripada RM121.4 bilion pada tahun 2024 kepada RM130.3 bilion pada tahun 2025. Pertumbuhan ini dipacu terutamanya oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan yang menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negeri.

Dari aspek pendapatan rakyat, pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Pulau Pinang meningkat daripada RM6,502 pada tahun 2022 kepada RM7,386 pada tahun 2024, iaitu peningkatan sebanyak 13.6 peratus. Selain itu, gaji bulanan penengah pekerja turut meningkat daripada RM2,934 pada tahun

2024 kepada RM3,107 pada tahun 2025, mencerminkan perkembangan positif pendapatan isi rumah dan pekerja di negeri ini.

Dari aspek peluang pekerjaan, bilangan penduduk bekerja di Pulau Pinang meningkat daripada 931,200 orang pada tahun 2024 kepada 935,900 orang pada tahun 2025. Kadar penyertaan tenaga buruh negeri turut mencatatkan 72.2 peratus pada tahun 2025, melebihi kadar nasional sebanyak 70.8 peratus. Perkembangan ini menunjukkan penyertaan tenaga kerja yang berterusan dalam kegiatan ekonomi negeri.

Dari aspek taraf hidup dan kesejahteraan rakyat, insiden kemiskinan mutlak di Pulau Pinang telah menurun daripada 2.0 peratus pada tahun 2022 kepada 1.9 peratus pada tahun 2024. Perkembangan ini, bersama peningkatan pendapatan isi rumah dan gaji pekerja, merupakan antara indikator yang menunjukkan perubahan positif dalam keadaan sosioekonomi rakyat.

Secara keseluruhannya, indikator rasmi DOSM menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang turut disertai peningkatan pendapatan dan bilangan penduduk bekerja serta penurunan kadar kemiskinan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menyedari bahawa pertumbuhan ekonomi perlu terus diterjemahkan kepada peningkatan kuasa beli, peluang pekerjaan berkualiti dan kesejahteraan hidup yang lebih menyeluruh. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri akan terus memberikan penekanan kepada pembangunan ekonomi yang inklusif, mampan dan berdaya saing agar manfaat pertumbuhan ekonomi dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)24

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

24. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memohon bantuan Polis Diraja Malaysia untuk kawalan trafik pada waktu puncak di Sekolah Kebangsaan Permatang Pauh yang berisiko tinggi kemalangan?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Kerajaan Negeri sedar mengenai jalan di hadapan Sekolah Kebangsaan Permatang Pauh yang berisiko tinggi kemalangan terutamanya yang melibatkan pelajar sekolah. Sehubungan itu, sesi lawatan tapak telah diadakan pada 1 Oktober 2026 yang lalu bersama ADUN Kawasan, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan turut dihadiri oleh pihak sekolah.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk memohon penempatan anggota bagi tujuan kawalan trafik secara tetap di jalan tersebut, mengambil kira kekangan anggota yang dihadapi oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Walau bagaimanapun, hasil lawatan tapak yang telah diadakan, pihak PDRM bersetuju untuk melaksanakan rondaan secara berkala di jalan berkenaan, khususnya pada waktu puncak.

Selain itu, kerjasama antara jabatan-jabatan di bawah PDRM terus diperkukuh melalui peningkatan kekerapan rondaan oleh Unit Rondaan Bermotosikal (URB) serta unit *Mobile Patrol Vehicle* (MPV) di bawah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan

Komuniti (JPJKK), khususnya di kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi.

Usaha meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya dalam kalangan pelajar turut dipergiatkan melalui kerjasama dengan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) PDRM yang ditempatkan di sekolah-sekolah. Pendekatan ini diharap dapat meningkatkan kesedaran dan pematuhan pelajar terhadap peraturan keselamatan jalan raya serta membantu mengurangkan risiko kemalangan di kawasan berkenaan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)25

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

25. Berapakah jumlah tangkapan kes kesalahan agama Islam yang telah dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Pulau Pinang mulai tahun 2022 hingga kini mengikut daerah dan kategori kes?

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. Jumlah tangkapan kesalahan jenayah syariah mengikut daerah dan kategori dari tahun 2020 hingga 9 Oktober 2026 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

JUMLAH TANGKAPAN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH DARI TAHUN 2020 HINGGA 9/10/2026 ADALAH SEPERTI JADUAL DI BAWAH

TAHUN	2020	2021	2022	2023	2024	2025	2026 hingga 9/10/2026
BILANGAN TANGKAPAN	370	320	503	391	490	692	562

LAPORAN JUMLAH TANGKAPAN MENGIKUT DAERAH
BAGI TAHUN 2020

BIL	JENIS KESALAHAN	SEKSYEN	JUMLAH TANGKAPAN	DAERAH				
				SPU	SPT	SPS	TL	BD
1	TIDAK MENGHORMATI RAMADAN / MENJUAL MAKANAN, MINUMAN UTK DIMAKAN SERTA MERTA	15	19	5	2	2	5	5
2	BERJUDI	18	1	1	0	0	0	0
3	PERSETUBUHAN LUAR NIKAH	23	25	16	6	0	2	1
4	KHALWAT	27	135	47	38	6	36	8
5	PERBUATAN TIDAK SOPAN DI TEMPAT AWAM	29	186	87	0	0	72	27
6	BERKAHWIN LUAR NEGARA TANPA KEBENARAN	40(2)	1	0	1	0	0	0
7	MEMUNGUT DERMA TANPA KEBENARAN	106	3	3	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN TANGKAPAN			370	159	47	8	115	41

BILANGAN OYDS LELAKI	L	188
BILANGAN OYDS PEREMPUAN	P	182

LAPORAN JUMLAH TANGKAPAN MENGIKUT DAERAH
BAGI TAHUN 2021

BIL	JENIS KESALAHAN	SEKSYEN	JUMLAH TANGKAPAN	DAERAH				
				SPU	SPT	SPS	TL	BD
1	TIDAK MENGHORMATI RAMADAN / MENJUAL MAKANAN, MINUMAN UTK DIMAKAN SERTA MERTA	15	56	9	11	8	10	18
2	BERJUDI	18	11	3	2	0	2	4
3	MINUM MINUMAN MEMABUKKAN	19(a)	6	3	3	0	0	0
4	PERSETUBUHAN LUAR NIKAH	23	16	6	7	2	1	0
5	KHALWAT	27	210	83	56	14	42	15
6	PERBUATAN TIDAKSOPAN DI TEMPAT AWAM	29	14	0	0	2	12	0
7	SAMAN UNTUK MENGEMUKAKAN DOKUMEN ATAU BENDA LAIN	42	2	0	2	0	0	0
8	PERCUBAAN + MENGGALAKKAN MAKSIAT	47-35	4	3	1	0	0	0
9	MEMUNGUT DERMA TANPA KEBENARAN	106	1	1	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN TANGKAPAN			320	108	82	26	67	37

BILANGAN OYDS LELAKI	L	187
BILANGAN OYDS PEREMPUAN	P	133

LAPORAN JUMLAH TANGKAPAN MENGIKUT DAERAH
BAGI TAHUN 2022

BIL	JENIS KESALAHAN	SEKSYEN	JUMLAH TANGKAPAN	DAERAH				
				SPU	SPT	SPS	TL	BD
1	MENGAJAR AGAMA TANPA TAULIAH	11	1	0	1	0	0	0
2	TIDAK MENGHORMATI RAMADAN / MENJUAL MAKANAN, MINUMAN UTK DIMAKAN SERTA MERTA DALAM WAKTU ITU	15	91	3	23	38	7	20
3	BERJUDI	18	14	3	0	0	10	1
4	MINUM MINUMAN MEMABUKKAN	19(a)	14	0	0	0	14	0
5	PERSETUBUHAN LUAR NIKAH	23	19	10	3	0	4	2
6	KHALWAT	27	312	87	134	21	22	48
7	PERBUATAN TIDAK SOPAN DI TEMPAT AWAM	29	47	0	0	0	10	37
8	PEMUNGUTAN ZAKAT ATAU FITRAH TANPA KUASA	33	1	0	1	0	0	0
9	MEMUNGUT DERMA TANPA KEBENARAN	106	4	3	1	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN TANGKAPAN			503	106	163	59	67	108

JUMLAH OKT LELAKI	L	292
JUMLAH OKT PEREMPUAN	P	211

LAPORAN JUMLAH KESALAHAN MENGIKUT DAERAH
BAGI TAHUN 2023

BIL	JENIS KESALAHAN	SEKSYEN	JUMLAH	DAERAH				
				SPU	SPT	SPS	TL	BD
1	TIDAK MENGHORMATI RAMADAN / MENJUAL MAKANAN, MINUMAN UTK DIMAKAN SERTA MERTA DALAM WAKTU ITU	15	59	14	11	14	13	7
2	BERJUDI	18	2	2	0	0	0	0
3	MINUM MINUMAN MEMABUKKAN	19(a)	14	0	0	0	14	0
4	PERSETUBUHAN LUAR NIKAH	23	3	2	0	0	1	0
5	KHALWAT	27	253	113	48	20	28	44
6	PERBUATAN TIDAK SOPAN DI TEMPAT AWAM	29	58	18	0	0	12	28
7	MEMUNGUT DERMA TANPA KEBENARAN	106	2	1	1	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN TANGKAPAN			391	150	60	34	68	79

JUMLAH OKT LELAKI	L	233
JUMLAH OKT PEREMPUAN	P	158

LAPORAN JUMLAH KESALAHAN MENGIKUT DAERAH
BAGI TAHUN 2024

BIL	JENIS KESALAHAN	SEKSYEN	JUMLAH	DAERAH				
				SPU	SPT	SPS	TL	BD
1	TIDAK MENGHORMATI RAMADAN / MENJUAL MAKANAN, MINUMAN UTK DIMAKAN SERTA MERTA DALAM WAKTU ITU	15	72	11	26	9	6	20
2	BERJUDI	18	67	15	19	8	0	25
3	MEMBUAT, MENJUAL, MENYIMPAN, MEMPAMER UNTUK JUALAN, MENAWAR, MEMBELI	19(b)	1	0	1	0	0	0
4	GAGAL MENGEMUKAKAN PENGENALAN DIRI	19(1)	1	0	0	0	0	1
5	PERSETUBUHAN LUAR NIKAH	23	3	1	2	0	0	0
6	KHALWAT	27	330	102	108	35	54	31
7	PERBUATAN TIDAK SOPAN DI TEMPAT AWAM	29	14	0	0	0	3	11
8	PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN	40(2)	2	0	0	0	2	0
JUMLAH KESELURUHAN TANGKAPAN			490	129	156	52	65	88

JUMLAH OKT LELAKI	L	319
JUMLAH OKT PEREMPUAN	P	171

LAPORAN JUMLAH TANGKAPAN MENGIKUT DAERAH
BAGI TAHUN 2025

BIL	JENIS KESALAHAN EKOSNPP TAHUN 1996	SEKSYEN	JUMLAH TANGKAPAN	DAERAH				
				SPU	SPT	SPS	TL	BD
1	TIDAK MENGHORMATI RAMADAN / MENJUAL MAKANAN, MINUMAN UTK DIMAKAN SERTA MERTA DALAM WAKTU ITU	15	84	32	29	2	6	15
2	BERJUDI	18	72	31	19	14	0	8
3	PERSETUBUHAN LUAR NIKAH	23	8	1	6	0	0	1
4	KHALWAT	27	368	119	99	19	45	86
5	LELAKI BERLAGAK SEPERTI PEREMPUAN	28	0	0	0	0	0	0
6	PERBUATAN TIDAK SOPAN DI TEMPAT AWAM	29	148	103	0	0	29	16
BIL	JENIS KESALAHAN EPAIPP TAHUN 2004	SEKSYEN	JUMLAH TANGKAPAN	DAERAH				
				SPU	SPT	SPS	TL	BD
7	MEMUNGUT DERMA TANPA KEBENARAN	106	6	2	1	1	2	0
BIL	JENIS KESALAHAN ETJSPP TAHUN 2004	SEKSYEN	JUMLAH TANGKAPAN	DAERAH				
				SPU	SPT	SPS	TL	BD
8	ENGGAN MEMBERIKAN NAMA DAN KEDIAMAN	19	2	0	2	0	0	0
BIL	JENIS KESALAHAN EUUKI TAHUN 2004	SEKSYEN	JUMLAH TANGKAPAN	DAERAH				
				SPU	SPT	SPS	TL	BD
9	AKAD NIKAH PERKAHWINAN YANG TIDAK DIBENARKAN	39	2	0	2	0	0	0
10	HIDUP SEMULA SEBAGAI SUAMI ISTERI ATAU RUJU'	52(5)	2	0	0	0	0	2
JUMLAH KESELURUHAN TANGKAPAN			692	288	158	36	82	128

BILANGAN OYDS LELAKI	L	428
BILANGAN OYDS PEREMPUAN	P	264

LAPORAN JUMLAH TANGKAPAN MENGIKUT DAERAH
BAGI TAHUN 2026

BIL	JENIS KESALAHAN EKJSNPP TAHUN 1996	SEKSYEN	JUMLAH TANGKAPAN	DAERAH				
				SPU	SPT	SPS	TL	BD
1	TIDAK MENGHORMATI RAMADAN / MENJUAL MAKANAN, MINUMAN UTK DIMAKAN SERTA MERTA DALAM WAKTU ITU	15	62	14	20	13	0	15
2	BERJUDI	18	22	11	10	1	0	0
3	MINUM MINUMAN MEMABUKKAN / MEMBUAT, MENJUAL, MENYIMPAN, MEMPAMER UNTUK JUALAN, MENAWAR, MEMBELI	19	0	0	0	0	0	0
4	PERSETUBUHAN LUAR NIKAH	23	1	0	1	0	0	0
5	PERSEDIAAN PERSETUBUHAN LUAR NIKAH	24/27	3	0	3	0	0	0
6	KHALWAT	27	273	62	86	24	62	39
7	LELAKI BERLAGAK SEPERTI PEREMPUAN	28	0	0	0	0	0	0
8	PERBUATAN TIDAK SOPAN DI TEMPAT AWAM	29	193	147	4	0	27	15
9	PERCUBAAN + MELACURKAN DIRI	47-21	0	0	0	0	0	0
10	MELACURKAN DIRI	21	0	0	0	0	0	0
11	PERCUBAAN + MENGGALAKKAN MAKSIAT	47-35	0	0	0	0	0	0
12	MENGGALAKKAN MAKSIAT	35	6	0	6	0	0	0
BIL	JENIS KESALAHAN EPAIPP TAHUN 2004	SEKSYEN	JUMLAH TANGKAPAN	DAERAH				
				SPU	SPT	SPS	TL	BD
13	MEMUNGUT DERMA TANPA KEBENARAN	106	0	0	0	0	0	0
BIL	JENIS KESALAHAN ETJSPP TAHUN 2004	SEKSYEN	JUMLAH TANGKAPAN	DAERAH				
				SPU	SPT	SPS	TL	BD
14	ENGGAN MEMBERIKAN NAMA DAN KEDIAMAN	19	0	0	0	0	0	0
BIL	JENIS KESALAHAN EUUKI TAHUN 2004	SEKSYEN	JUMLAH TANGKAPAN	DAERAH				
				SPU	SPT	SPS	TL	BD
15	AKAD NIKAH PERKAHWINAN YANG TIDAK DIBENARKAN	39	0	0	0	0	0	0
16	PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN	40(2)	2	2	0	0	0	0
17	HIDUP SEMULA SEBAGAI SUAMI ISTERI ATAU RUJU'	52(5)	0	0	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN TANGKAPAN			562	236	130	38	89	69

BILANGAN OYDS LELAKI	L	319
BILANGAN OYDS PEREMPUAN	P	243

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)26

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

26. Pertumbuhan industri memberi tekanan kepada perumahan dan kos hidup. Bagaimana kerajaan memastikan keseimbangan antara pelaburan dan kesejahteraan rakyat?

    (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri mengawal kenaikan harga rumah di kawasan industri?

    (b) Apakah indikator yang digunakan untuk mengukur tekanan kos sara hidup semasa?

YB GOH CHOON AIK
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

26. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa memberikan penekanan terhadap pembangunan yang seimbang dan mampan bagi memastikan pertumbuhan sektor perindustrian serta kemasukan pelaburan dapat dilaksanakan seiring dengan peningkatan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

    Dalam konteks perancangan fizikal, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (PLANMalaysia Pulau Pinang) melalui penyediaan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2040 (Kajian Semula) memberi penekanan kepada penyelarasan pembangunan kawasan perindustrian, perumahan, kemudahan masyarakat, infrastruktur dan sistem pengangkutan secara bersepadu.

    (a) Dari aspek perancangan guna tanah, PLANMalaysia Pulau Pinang mengambil kira keperluan penyediaan kawasan

perumahan yang mencukupi dan bersesuaian dengan pertumbuhan kawasan perindustrian, khususnya di kawasan tumpuan pembangunan seperti Bayan Lepas, Batu Kawan dan Seberang Perai.

Antara pendekatan perancangan yang diberikan penekanan adalah seperti berikut:

(i) Memastikan penyediaan guna tanah perumahan yang mencukupi dan seimbang dengan pertumbuhan kawasan perindustrian melalui Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan.

(ii) Menggalakkan pembangunan perumahan mampu milik yang mempunyai akses kepada kawasan pekerjaan, kemudahan awam dan jaringan pengangkutan bagi mengurangkan beban kos kehidupan penduduk.

(iii) Menggalakkan pembangunan berorientasikan transit (Transit-Oriented Development – TOD) dan pembangunan bercampur bagi mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian serta kos perjalanan harian.

(iv) Memastikan perancangan pembangunan baharu mengambil kira keperluan perumahan berdasarkan pertumbuhan penduduk, peluang pekerjaan dan keupayaan infrastruktur setempat.

Waiau bagaimanapun, penetapan harga rumah dan pelaksanaan skim perumahan mampu milik adalah tertakluk kepada dasar serta mekanisme yang dilaksanakan oleh agensi perumahan negeri, khususnya Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).

(b) Dari perspektif perancangan bandar, PLANMalaysia Pulau Pinang mengambil kira indikator kesejahteraan penduduk dan kemampanan pembangunan melalui pendekatan perancangan berasaskan data, termasuk indikator yang

berkaitan dengan MURNInets (Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia).

Antara indikator yang relevan bagi menilai tekanan kos sara hidup dan kesejahteraan penduduk adalah:

(i) Tahap pendapatan isi rumah dan kemampuan memiliki atau menyewa rumah;

(ii) Akses penduduk kepada kemudahan asas dan perkhidmatan masyarakat;

(iii) Tahap aksesibiliti pengangkutan awam dan kawasan pekerjaan;

(iv) Ketersediaan perumahan mampu milik serta keseimbangan pembangunan perumahan dengan peluang pekerjaan; dan

(v) Tahap kesejahteraan serta kualiti hidup penduduk berdasarkan indikator pembangunan mampan.

Selain itu, pengukuran tekanan kos sara hidup secara lebih khusus perlu dirujuk kepada data rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), antaranya Indeks Harga Pengguna (IHP), pendapatan dan perbelanjaan isi rumah serta Indeks Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW).

Kerajaan Negeri melalui PLANMalaysia Pulau Pinang) sentiasa menekankan pembangunan yang seimbang dan mampan bagi memastikan pertumbuhan sektor perindustrian dan pelaburan berjalan seiring dengan kesejahteraan rakyat. Sehubungan dengan itu, Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2040 (Kajian Semula) dijadikan sebagai asas perancangan bagi penyelarasan pembangunan kawasan perindustrian, perumahan, kemudahan masyarakat, infrastruktur dan sistem pengangkutan secara bersepadu.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)27

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

27. Mengikut data Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Pulau Pinang telah merekodkan peningkatan pesakit mental iaitu pada tahun 2021 - 2282 pesakit, tahun 2022 - 2408 pesakit dan tahun 2023 seramai 2599 pesakit, apakah punca utama peningkatan kes pesakit mental di Pulau Pinang?

    (a) Nyatakan antara faktor utama peningkatan pesakit ini.

YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. Peningkatan bilangan pesakit kesihatan mental yang direkodkan di Pulau Pinang bagi tempoh 2021 hingga 2023 dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Punca utama peningkatan kes pesakit mental boleh dibahagikan kepada dua (2) iaitu, berpunca daripada perspektif klinikal dan peningkatan kesedaran masyarakat untuk tampil mendapatkan rawatan.

    (a) Faktor utama peningkatan kes yang berpunca dari perspektif klinikal adalah seperti tekanan sosioekonomi, peningkatan kos sara hidup, tekanan pekerjaan, tekanan berkaitan pendidikan, konflik kekeluargaan dan masalah hubungan sosial merupakan antara faktor risiko yang boleh menyumbang kepada kemunculan atau kemerosotan masalah kesihatan mental.

    Selain itu, peningkatan kesedaran masyarakat untuk tampil mendapatkan rawatan merupakan antara faktor utama peningkatan bilangan kes yang direkodkan. Inisiatif seperti

program pendidikan kesihatan mental, perluasan akses kepada fasiliti perkhidmatan, serta pelaksanaan saringan di pelbagai institusi telah meningkatkan pengesanan awal dan rujukan individu. Perkembangan positif ini membolehkan lebih ramai individu termasuk mereka yang sebelum ini terlepas pandang atau tidak pernah mendapatkan rawatan dikenal pasti dan didaftarkan ke dalam sistem kesihatan.

Oleh itu, peningkatan bilangan pesakit yang direkodkan tidak semestinya mencerminkan peningkatan kejadian masalah kesihatan mental semata-mata, sebaliknya mungkin turut dipengaruhi oleh perubahan dalam kesedaran, pengesanan dan penggunaan perkhidmatan kesihatan.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)28

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM@ MD HASHIM

28. Di dalam data Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2023, Negeri Pulau Pinang mencatatjumlah kemalangan 16,986. Daripada jumlah ini seramai 16,605 merekodkan kecederaan dan seramai 381 kematian.

    (a) Nyatakan jumlah kemalangan di Pulau Pinang yang mengakibatkan kecederaan dan kematian mengikut tahun dan daerah sejak 2023 hingga 2025.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

28. Di dalam data Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2023, Negeri Pulau Pinang mencatatjumlah kemalangan 16,986. Daripada jumlah ini seramai 16,605 merekodkan kecederaan dan seramai 381 kematian.

    (a) Statistik jumlah kemalangan jalan raya di Negeri Pulau Pinang mengikut tahun bagi tempoh 2023 hingga 2025, yang mengakibatkan kecederaan dan kematian adalah seperti berikut:

PERKARA	TAHUN		
	2023	2024	2025
JUMLAH KEMALANGAN	53,387	56,601	58,224
MAUT	376	434	409
PARAH	74	36	38

PERKARA	TAHUN		
	2023	2024	2025
RINGAN	16,375	16,231	17,468
JUMLAH KEMATIAN	396	447	421

Merujuk kepada data daripada PDRM sahaja, statistik jumlah kemalangan jalan raya di Negeri Pulau Pinang mengikut kategori kemalangan bagi tempoh tahun 2023 hingga 2025 adalah seperti berikut:

Daerah/ Sektor	Tahun	Maut (Kes)	Parah (Kes)	Ringan (Kes)	Kematian (Orang)	Jumlah Kemalangan (Kes)
Timur Laut	2023	80	13	4,414	85	17,450
Timur Laut	2024	75	16	4,750	78	18,559
Timur Laut	2025	83	7	5,465	86	18,870
Barat Daya	2023	35	11	2,756	38	6,798
Barat Daya	2024	40	3	2,423	43	7,154
Barat Daya	2025	52	11	2,053	53	7,265
Seberang Perai Utara	2023	79	21	2,992	83	7,589
Seberang Perai Utara	2024	91	6	3,036	91	7,859
Seberang Perai Utara	2025	96	4	3,120	100	8,386
Seberang Perai Tengah	2023	126	21	4,617	132	16,557
Seberang Perai Tengah	2024	146	6	4,040	150	16,939

Daerah/ Sektor	Tahun	Maut (Kes)	Parah (Kes)	Ringan (Kes)	Kematian (Orang)	Jumlah Kemalangan (Kes)
Seberang Perai Tengah	2025	123	3	4,492	125	17,154
Seberang Perai Selatan	2023	56	8	1,596	58	4,993
Seberang Perai Selatan	2024	82	5	1,932	85	6,090
Seberang Perai Selatan	2025	55	13	2,338	57	6,549

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)29

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

29. Berapakah jumlah sawah padi yang telah berjaya dipulihkan mengikut daerah dan mengikut tahun sejak 2022 hingga 2025?

YB DATO' HAJI RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

29. Data statistik keluasan fizikal sawah padi yang berjaya dipulihkan mengikut tahun bagi tempoh 2022 hingga 2025 tidak direkodkan dalam bentuk siri masa oleh Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang. Hal ini kerana pemantauan inventori fizikal kawasan jelapang padi dan penyelarasan kerja pemulihan infrastruktur pengairan utama di bawah bidang kuasa IADA Pulau Pinang.

    Berdasarkan rekod rasmi inventori Format RRLP (IADA Pulau Pinang), Negeri Pulau Pinang mempunyai keluasan 11,858.08 hektar Pasel Padi Aktif (PA) daripada keseluruhan 12,218.16 hektar pasel padi. Keluasan ini merangkumi 76.80% daripada keseluruhan guna tanah pertanian negeri seluas 15,439.54 hektar. Pecahan keluasan Pasel Padi Aktif mengikut daerah adalah seperti berikut:

KELUASAN PASEL PADI AKTIF MENGIKUT DAERAH DI PULAU PINANG

Bil.	Daerah	Keluasan PA (hektar)
1.	Seberang Perai Utara (SPU)	8,004.12
2.	Seberang Perai Tengah (SPT)	2,346.41
3.	Seberang Perai Selatan (SPS)	1,217.00
4.	Barat Daya (BD)	290.55
Jumlah	**Keseluruhan Pulau Pinang**	**11,858.08**

(Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang)

Dari segi pelaksanaan pemulihan, IADA Pulau Pinang merekodkan pencapaian keseluruhan bagi tempoh 2020 hingga 2025 seperti berikut:

(i) Parit ladang: 364,550 meter;

(ii) Perataan tanah sawah: 2,368.59 hektar;

(iii) Batas sawah: 37,553.26 meter;

(iv) Kotak kawalan air: 44 unit;

(v) Kerja menambun tanah jerlus: 779 lubang;

(vi) Bekalan input baja: 1,694.50 hektar; dan

(vii) Petak model pengurusan sawah padi: 5,536.68 hektar.

Pelaksanaan kerja-kerja tersebut melibatkan daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan dan Barat Daya sahaja, manakala Jabatan Pertanian Negeri turut menyalurkan peruntukan serta melaksanakan pelbagai intervensi pemulihan tanah jerlus, perataan sawah, penyediaan parit ladang dan kawalan perosak serta rumpai bagi menyokong produktiviti kawasan padi negeri.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
30 OKTOBER 2026

PERKARA : 4(A)(XI)30

SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM

30. Apakah usaha yang telah dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Pulau Pinang dalam membela dan memberi sokongan kepada golongan mualaf?

    (a) Nyatakan jumlah mualaf yang menerima bantuan mengikut tahun 2022 hingga 2025.

YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

30. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) komited dalam menjaga kebajikan dan memperkasa pembangunan Saudara Kita (mualaf) melalui usaha seperti berikut:

    (i) Bantuan Kebajikan dan Kewangan iaitu menyediakan bantuan dan saguhati kepada mualaf yang layak bagi meringankan beban kehidupan mereka;

    (ii) Pendidikan dan Bimbingan Agama iaitu melaksanakan kelas pengajian Islam, bimbingan fardu ain dan program pembang unan sahsiah mengikut tahap keupayaan mualaf;

    (iii) Kemudahan Penginapan dan Sokongan iaitu menyediakan rumah transit serta khidmat nasihat dan bimbingan kepada mualaf yang memerlukan;

(iv) Ziarah dan Sokongan Sosial iaitu melaksanakan pendekatan ziarah serta kerjasama dengan agensi kerajaan dan NGO bagi membantu menangani isu kebajikan dan penyesuaian kehidupan mualaf; dan

(v) Inisiatif Mualaf Care iaitu memperkukuh sinergi JHEAIPP dengan pihak masjid melalui penglibatan ahli jawatankuasa masjid dalam mengenal pasti keperluan, menyalurkan bantuan dan memberikan sokongan berterusan kepada mualaf di komuniti setempat.

(a) Jumlah mualaf yang menerima bantuan dari tahun 2020 hingga 2025 adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN PENERIMA
2020	2,410
2021	2,507
2022	2,610
2023	2,789
2024	2,875
2025	2,964